

PERANAN IJTIHAD JAMA'I DALAM PEMBENTUKAN SKIM WAKAF TUNAI DI MALAYSIA

Role of Collective Ijtihad on the Emergence of Cash Waqf Scheme in Malaysia

ⁱ Adnin Ibrahimⁱ & Asmak Ab Rahmanⁱⁱ

ⁱ Calon Ph.D, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, adnininibrahim@gmail.com

ⁱⁱ Profesor Madya, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, asmak@um.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Ijtihad jama'i merupakan sebuah mekanisme perbincangan para ulama dan pakar dalam menyelesaikan pelbagai masalah kontemporari. Dalam perihal pembangunan harta wakaf pada masa kini, ijtihad jama'i turut berperanan dalam mengoptimumkan potensi dan sumbangan harta wakaf kepada pelbagai sektor pembangunan ekonomi. Dengan mengambil kira kecenderungan orang ramai untuk memberi sumbangan wakaf secara tunai berbanding mewakafkan harta tak alih seperti tanah dan bangunan, kelulusan dan keharusan wakaf tunai telah mengembalikan fungsi wakaf sebagai sektor ekonomi yang ketiga. Di Malaysia, penawaran skim wakaf tunai adalah di bawah bidang kuasa negeri kerana ia adalah sebahagian daripada perihal pentadbiran agama Islam. Oleh itu, skim wakaf tunai yang ditawarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) akan merujuk kepada peruntukan statutori negeri yang sedia ada atau merujuk kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri. Justeru, kajian ini merupakan kajian secara konseptual yang bertujuan mengkaji</i></p>	<p><i>Collective ijtihad is a mechanism in solving various contemporary issues by scholars and experts. It plays a vital role in the development of waqf property, this includes optimizing the potential and contribution of waqf property to various sectors of economic development. Considering the tendency of the public to contribute waqf in cash as opposed to immovable property such as land and building, the approval and compulsion of cash waqf has restored the function of waqf as a third economic sector. In Malaysia, the emergence of a cash waqf scheme is allocated under the state jurisdiction as it is part of the administration of Islamic religion. Accordingly, the cash waqf scheme offered by the State Islamic Religious Council (SIRC) will refer to the existing state's statutory provisions or SIRC will refer to the ruling by the State Fatwa Council. Thus, this study is a conceptual study for the role of collective ijtihad on the emergence of cash waqf schemes in states of Malaysia.</i></p>

peranan ijтиhad jama'i dalam pembentukan skim wakaf tunai bagi negeri-negeri di Malaysia.	
Kata kunci: Ijtihad jama'i, ijтиhad kolektif, skim wakaf tunai	Keywords: Ijtihad jama'i, collective ijтиhad, cash waqf scheme

1.0 PENDAHULUAN

Syariah diturunkan kepada umat Islam sejak 1400 tahun yang lalu dengan menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan utama. Ia masih relevan sehingga ke hari ini kerana pelaksanaannya bersifat fleksibel dan boleh disesuaikan dengan keadaan semasa tanpa melanggar prinsip asas syariah yang ditetapkan. Misalnya, pelaksanaan zakat telah difardhukan dalam al-Quran dan ditentukan penerimanya iaitu sebanyak lapan asnaf. Namun begitu, perincian terhadap setiap lapan asnaf yang dinyatakan dalam Surah al-Taubah ayat 60 tersebut memerlukan kepada penjelasan yang lebih terperinci dalam konteks aplikasi semasa. Contohnya, penentuan kelayakan asnaf fakir dan miskin berdasarkan had kifayah memerlukan kepada ijтиhad pakar agar pendekatan yang digunakan tepat dan disokong dengan maklumat yang berasaskan realiti sara hidup semasa dan sosioekonomi masyarakat setempat (Talib & Ahmad, 2019).

Selain zakat, pelaksanaan wakaf di era kontemporari ini juga memerlukan kepada perincian. Perincian pelaksanaan wakaf ini perlulah seiring dengan sifat syariah yang dinamik. Misalnya, perincian mengenai harta wakaf berbentuk tunai mestilah menepati parameter wakaf yang berbeza daripada sedekah iaitu ia mestilah bersifat kekal dan manfaatnya mestilah boleh digunakan secara berterusan. Justeru, pakar dilihat berperanan dalam memberi solusi mengenai kaedah pelaksanaan wakaf berbentuk tunai ini agar ianya dilaksanakan dalam kerangka yang dibenarkan syarak tanpa mengabaikan aspek pengurusan harta wakaf tersebut agar potensinya dimanfaatkan secara optimum.

Perkara ini adalah selari dengan pendapat al-Qardhāwi (1996) yang menyatakan bahawa ijтиhad masa kini sangat diperlukan dalam dua bidang muamalat iaitu bidang ekonomi dan kewangan serta bidang sains dan perubatan. Ini kerana sifat kedua bidang tersebut yang berkembang pesat dan berubah dari satu masa ke satu masa yang lain. Ini termasuk bidang wakaf selaku sektor ketiga ekonomi yang merupakan bidang yang memerlukan kepada ijтиhad yang lebih segar dalam konteks pelaksanaannya di masa kini.

Dari aspek sejarahnya, pelaksanaan wakaf tunai mempunyai sumbangan yang signifikan dalam sejarah dunia Islam. Ia telah mula diperkenalkan pada era pemerintahan Turki Uthmaniah seawal abad ke-15 Masihi dan menjadi

mod wakaf yang dominan pada tahun 1560 berbanding mod wakaf berbentuk harta tanah (Cizacka, 2000; Mandaville, 1979). Anjakan paradigma ini adalah bertitik tolak daripada ijтиhad keharusan wakaf tunai yang dilakukan oleh *sheikh al-Islām* iaitu mufti rasmi kerajaan Turki Uthmaniah. Peranan utama *sheikh al-Islām* adalah mengeluarkan fatwa bagi persoalan keagamaan daripada pelbagai pihak. Sungguhpun terdapat kontroversi mengenai keharusan wakaf tunai daripada beberapa cendekiawan seperti Civizade dan Birgevi Efendi, namun pendapat yang diterima pakai di sisi undang-undang kerajaan Turki Uthmaniyah ialah fatwa daripada *sheikh al-Islām* (Mandaville, 1979). Ini kerana *Sheikh al-Islām* berada pada hierarki autoriti keagamaan dan undang-undang yang tertinggi dalam kerajaan Turki Uthmaniah. Malah pada era awal pemodenan Turki Uthmaniyah, fatwa yang diputuskan oleh *sheikh al-Islām* telah dikuatkuasakan sebagai undang-undang (White, 2015).

Rentetan ijтиhad keharusan wakaf tunai tersebut, banyak institusi keagamaan mahupun sosial telah dibangunkan menggunakan dana wakaf tunai di seluruh empayar Turki Uthmaniyah. Oleh itu, ijтиhad oleh *sheikh al-Islām* dilihat mempunyai peranan yang signifikan dalam evolusi perkembangan wakaf tunai di Turki Uthmaniah. Dari sudut terminologinya, ijтиhad bermaksud mencurahkan segala tenaga dan usaha sehingga merasakan diri tidak mampu lagi berbuat lebih daripada usaha tersebut untuk mendapatkan *zann* hukum syarak (al-Āmidī, 1981). Dalam kata lain, ijтиhad ialah usaha maksimum cendekiawan Islam dalam bidang Fiqh atau dikenali sebagai fuqaha dengan mengaplikasi prinsip-prinsip Usul Fiqh untuk menemukan hukum syarak (Hallaq, 1984). Justeru, dengan pelaksanaan ijтиhad yang lebih komprehensif akan dapat menyangkal dakwaan sebahagian cendekiawan orientalis seperti Timur Kur'an (2004) yang menyatakan bahawa kesempitan undang-undang Islam menjadikan harta wakaf gagal memberi sumbangan yang optimum kepada ekonomi umat Islam.

Di Malaysia, sungguhpun mazhab Shafi'e merupakan mazhab rasmi negara dan amalan ijтиhad terikat kepada mazhab tersebut (Buang, 2002), akan tetapi ijтиhad mengenai wakaf tunai dilihat lebih fleksibel. Bermula pada tahun 2007, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah mengharuskan wakaf tunai. Namun demikian, keputusan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan tersebut tidak mengikat mana-mana negeri terhadap fatwa yang dikeluarkan. Maka, Jawatankuasa Fatwa Negeri (JFN) perlu melaksanakan ijтиhad pada peringkat negeri masing-masing bagi membenarkan pelaksanaan wakaf tunai oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Oleh itu, kajian ini akan melihat bagaimana evolusi ijтиhad dalam mengharuskan wakaf tunai di negeri-negeri di Malaysia.

2.0 KONSEP IJTIHAD JAMA'I

Amalan ijтиhad jama'i sebagai medium untuk memutuskan hukum syarak secara aplikasinya telah dilaksanakan sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Ketika pemerintahan Turki Uthmaniah, pelaksanaan ijтиhad jama'i dapat dilihat ketika era Tanzimat melalui penubuhan Jawatankuasa al-Majallah. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada tujuh orang ahli yang diketuai oleh Cevdet Pasha yang berperanan menggubal undang-undang muamalah berdasarkan Mazhab Hanafi. Jawatankuasa ini berperanan untuk mengkaji dan mengeluarkan pendapat Hanafi yang dominan untuk dijadikan undang-undang mualamat yang berkuat kuasa atas seluruh empayar Turki Uthmaniah (Hasan, 2003).

Keperluan kepada ijтиhad jama'i dilihat lebih signifikan pada masa kini (al-'Attar, 1996). Oleh itu, pelbagai intitusi yang berperanan untuk melaksanakan ijтиhad jama'i telah ditubuhkan di negara Islam mahupun bukan Islam seperti *Majma' al-Fiqh al-Islāmiy al-Duwālī* di Jeddah, *al-Idārah al-'Ammah lil Iftā'* di Kuwait, Akademi Fiqh Islam di Sudan, Majelis Tarjih Muhammadiyah di Indonesia dan *Australian Federation of Islamic Council* (AFIC) di Australia (Mīghā, 1996; al-Mazkūr, 1996; al-Hasan, 1996; Maksudin, 2009; Black & Hosen, 2009).

Secara konsepnya, ijтиhad jama'i didefinisikan sebagai kesungguhan dan pengerahan segala usaha serta upaya sekumpulan fuqaha melalui proses perbincangan dan bertukar pendapat untuk mengeluarkan sesuatu hukum syarak dalam sesuatu permasalahan (al-Majma'i, t.th; al-Raisūnī, t.th). Ini bererti ijтиhad jama'i merupakan pelaksanaan ijтиhad secara berkumpulan atau kolektif dalam mengeluarkan sesuatu hukum syarak.

Dalam konteks Malaysia, amalan ijтиhad jama'i telah dilaksanakan oleh setiap negeri di Malaysia melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri yang tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Perlantikan mufti dan ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri serta prosedur mengeluarkan fatwa semuanya tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing (Kasan, 2016).

Misalnya, peruntukan keahlian Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang dinyatakan dalam Seksyen 46 (2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 adalah seperti berikut:

Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada; (a) Mufti, sebagai Pengerusi; (b) Timbalan Mufti; (c) Penasihat Undang-Undang Negeri; (d) dua orang anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis; (e) seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor yang mahir dalam Hukum Syarak yang akan dilantik oleh Majlis; (f) tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih

daripada tujuh orang yang layak dan sesuai, yang dilantik oleh Majlis; dan (g) seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis sebagai Setiausaha.

Berdasarkan peruntukan tersebut, dapat disimpulkan bahawa keahlian Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor adalah antara 8 hingga 14 orang. Ini menunjukkan bahawa amalan ijihad secara kolektif berlaku dalam proses pengeluaran fatwa di negeri tersebut. Begitu juga dengan amalan ijihad yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri yang lain iaitu pelaksanaannya adalah secara kolektif walaupun jumlah ahli jawatankuasa fatwa berbeza mengikut negeri. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan mengenai amalan ijihad jama'i yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri dalam konteks mengharuskan wakaf berbentuk tunai.

3.0 TAFSIRAN SKIM WAKAF TUNAI

Skim diertikan sebagai rancangan (Dewan Bahasa dan Pustaka, t.t), manakala wakaf pula berasal daripada perkataan Arab *waqf* yang bermaksud menahan (*al-habs*) dan menegah (*al-man'*). Dari segi istilah syarak pula wakaf bererti menahan sesuatu harta seseorang untuk dimanfaatkan oleh orang lain secara berterusan dengan memastikan harta tersebut kekal '*ainnya*' (al-Syarbīnī, 1994). Yang dimaksudkan dengan menahan harta ialah larangan menjual, memberikannya kepada orang lain (hibah) dan mewariskannya kepada pewaris (al-Syawkāni, 1993). Selain itu, harta wakaf juga mestilah boleh dimanfaatkan oleh benefisiari secara berterusan.

Dari perspektif ekonomi, Kahf (1999) telah mendefinisikan wakaf sebagai dana (atau sumber lain) yang ditahan daripada sebarang penggunaan, ini kerana dana tersebut akan dilaburkan pada aset produktif yang dapat menjamin manfaat dan hasil yang boleh digunakan oleh individu atau kelompok tertentu pada masa akan datang. Wakaf terdiri daripada wakaf am dan wakaf khusus. Wakaf am ialah mana-mana bentuk dedikasi wakaf yang dibuat untuk tujuan kebajikan atau khairat umum tanpa menentukan mana-mana benefisiari khusus, manakala wakaf khusus ialah mana-mana bentuk dedikasi wakaf yang dibuat untuk tujuan-tujuan khusus ataupun benefisiari-benefisiari tertentu (Mahamood, 2007).

Dapat disimpulkan di sini bahawa skim wakaf tunai ialah rancangan untuk mengumpulkan dana berbentuk wang tunai untuk tujuan wakaf bagi maksud kebajikan sama ada umum atau khusus menurut hukum Syarak.

Sungguhpun begitu, hukum wakaf tunai telah didebatkan oleh fuqaha termasuk imam empat mazhab yang utama. Ini adalah berdasarkan perbezaan pada persoalan syarat bagi sesuatu harta wakaf itu mestilah bersifat kekal (*perpetuity*) (Asni, 2015). Mazhab Hanafi, Shāfi'i dan Hanbalī

berpandangan bahawa tidak harus melakukan wakaf tunai (al-Marghinani, t.th; Ibn Qudāmah, t.th). Manakala mazhab Maliki merupakan mazhab yang mengharuskan wakaf tunai kerana mazhab Maliki tidak menetapkan syarat kekal terhadap harta wakaf hatta membenarkan makanan menjadi aset wakaf (al-Dusūqi t.th).

Antara imam lain yang membenarkan pelaksanaan wakaf tunai iaitu Imam Zufar iaitu beliau membenarkan pelaksanaan mudarabah pada harta wakaf berbentuk tunai pada kurun ke-8 (Cizacka, 1998). Tambahan pula, kewujudan wakaf tunai dapat dikesan ketika zaman kegemilangannya pada kurun ke-15 dan 16 di mana wakaf tunai telah membiayai sebahagian besar pembangunan empayar Turki Uthmaniyah termasuk menyediakan pinjaman mikro-kredit daripada dana wakaf. Malah, mutakhir ini pewakaf lebih selesa memilih berwakaf secara tunai berbanding mewakafkan harta tak alih seperti tanah kerana fleksibiliti dan kecairan aset (*liquidity*) tersebut (Saifuddin et al., 2014).

Selain daripada itu, skim wakaf tunai ini telah memudahkan sesiapa sahaja yang ingin mewakafkan harta walaupun dengan nilai yang sedikit. Contohnya, kadar minimum bagi menyertai Skim Wakaf Tunai MAIDAM adalah sebanyak RM 5 (Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, t.t), manakala kadar minimum bagi menyertai Waqaf Tunai MAIK dan Wakaf Tunai oleh Perbadanan Wakaf Selangor adalah RM 10 (Borang Sumbangan Wakaf MAIK, t.t; Perbadanan Wakaf Selangor, t.t). Justeru, skim wakaf tunai telah menyediakan kemudahan alternatif kepada golongan yang berpendapatan rendah untuk turut sama menyertai wakaf mengikut kemampuan masing-masing walaupun tidak mampu mewakafkan harta kekal seperti tanah.

Pemberian wakaf dalam bentuk tunai juga lebih fleksibel untuk diurus. Ini kerana terdapat beberapa masalah berbangkit berkenaan pentadbiran tanah wakaf berdasarkan peruntukan Kanun Tanah Negara. Misalnya percanggahan beberapa peruntukan dalam Kanun Tanah Negara dengan hukum syarak seperti peruntukan seksyen 215 mengenai pindah milik tanah yang bercanggah dengan prinsip asas syarak mengenai tanah wakaf yang tidak boleh dipindah milik setelah diwakafkan (Md Omar, 2013).

Wakaf tunai juga telah terbukti memberi impak yang besar terhadap pembangunan ekonomi sesebuah negara. Melalui wakaf tunai dapat dibangunkan sektor pendidikan, kesihatan, pembasmian kemiskinan dan penyediaan infrastuktur awam (Mohsin, 2013; Khan, 2013). Dalam sektor pendidikan di Malaysia misalnya, wakaf telah mendanai institusi pendidikan tertua di Tanah Melayu iaitu institusi pondok sejak sekian lama (Zaki et al., 2007). Pada masa kini pula, tabung wakaf pendidikan telah mendanai operasi

banyak universiti di Malaysia seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), Universiti Islam Malaysia (IUM), Universiti Antarabangsa Albukhary (AiU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) (Mahamood & Ab Rahman, 2015; Taib et al., 2017a; Taib et al., 2017b).

Percambahan dana wakaf tunai bagi mendanai pelbagai sektor pembangunan ekonomi di Malaysia ini bertitik tolak daripada fatwa keharusan wakaf tunai yang telah diputuskan di peringkat kebangsaan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-77 yang bersidang pada 10 - 12 April 2007. Akan tetapi dari aspek pelaksanaannya, keputusan tersebut tidak dapat mengikat mana-mana negeri kerana kuasa negeri adalah terletak pada Pihak Berkuasa Negeri yang diketuai oleh Sultan negeri masing-masing (Asni & Sulong, 2017). Oleh itu, hanya keputusan fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri sahaja yang diterima pakai dalam meluluskan sebarang pembangunan harta wakaf termasuk pelaksanaan skim wakaf tunai oleh Majlis Agama Islam Negeri.

4.0 IJTIHAD JAMA'I DALAM PEMBANGUNAN HARTA WAKAF DI MALAYSIA

Pelaksanaan ijтиhad jama'i bukanlah satu medium yang asing dalam memutuskan hukum berkaitan ekonomi dan muamalat di Malaysia. Dalam industri kewangan Islam, amalan ijтиhad jama'i dilaksanakan di peringkat *regulator* iaitu Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia dan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Hussain, 2013). Selain itu, ijтиhad jama'i turut dilaksanakan oleh Majlis Penasihat Syariah di peringkat bank dan operator takaful.

Dalam konteks pembangunan harta wakaf pula, Jawatankuasa Fatwa Negeri (JFN) merupakan entiti yang berautoriti untuk melaksanakan ijтиhad jama'i dalam rangka memutuskan sebarang perihal pembangunan harta wakaf. Ini kerana, menurut Perlembagaan Malaysia dalam Jadual Kesembilan, Senarai 2 - Senarai Negeri, perihal pentadbiran agama Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh itu, perihal pengurusan pembangunan harta wakaf adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri iaitu Majlis Agama Islam Negeri dan segala keputusan mengenai pembangunan harta wakaf mestilah merujuk kepada peruntukan statutori negeri (Kader, 2016).

Negeri	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri	Enakmen Wakaf Negeri	Jawatankuasa Fatwa Negeri
Perlis	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006 (Seksyen 89 – 95)	Tiada	Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis
Kedah	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (Seksyen 52-58)	Tiada	Jawatakuasa Fatwa Negeri Kedah
Pulau Pinang	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (Seksyen 89-95)	Tiada	Jawatakuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
Perak	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Seksyen 78-84)	Enakmen Wakaf (Perak) 2015	Jawatakuasa Fatwa Negeri Perak
Selangor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Seksyen 89-95)	Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015	Jawatakuasa Fatwa Negeri Selangor
Wilayah Persekutuan	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Seksyen 61-68)	Tiada	Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan
Negeri Sembilan	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (Seksyen 89-95)	Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005	Jawatakuasa Fatwa Negeri Sembilan
Melaka	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (Seksyen 77-83)	Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005	Jawatakuasa Fatwa Negeri Melaka
Johor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (Seksyen 89-95)	Tiada	Jawatakuasa Fatwa Negeri Johor
Pahang	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991 (Seksyen 70-78)	Tiada	Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak
Terengganu	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001	Tiada	Jawatakuasa Fatwa Negeri Terengganu

	(Seksyen 63-69)		
Kelantan	Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 (Seksyen 61-66)	Tiada	Jamaah Ulama'
Sabah	Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004 (Seksyen 51-57)	Tiada	Majlis Fatwa Negeri
Sarawak	Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 (Seksyen 51-54)	Tiada	Lembaga Fatwa

Jadual 1: Enakmen-Enakmen Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Negeri yang Terlibat dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia

Tambahan pula, selain fatwa yang diputuskan oleh JFN, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) menguruskan harta wakaf bersandarkan kepada kerangka dua undang-undang lain iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan Enakmen Wakaf Negeri seperti dalam Jadual 1 (Kader, 2016). Dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri terdapat bahagian khas mengenai wakaf yang meletakkan garis panduan umum berkenaan pengurusan harta wakaf. Enakmen Wakaf Negeri pula meletakkan garis panduan pengurusan harta wakaf dengan lebih terperinci berbanding Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri, namun hanya beberapa buah negeri sahaja yang mempunyai Enakmen Wakaf Negeri. Antara negeri yang mempunyai Enakmen Wakaf Negeri adalah Selangor (Enakmen Wakaf Negeri Selangor 2015), Perak (Enakmen Wakaf Perak 2015), Negeri Sembilan (Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005) dan Melaka (Enakmen Wakaf Negeri Melaka 2005).

Oleh kerana enakmen-enakmen berkaitan wakaf ini hanya meletakkan garis panduan pengurusan harta wakaf secara umum, maka MAIN perlu merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri sekiranya terdapat perkara yang kurang jelas berkaitan hukum syarak. Menurut Seksyen 94 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis (2006) memperuntukkan keperluan merujuk kepada JFN apabila terdapat kekaburan atau ketidak pastian pada surat cara wakaf seperti berikut:

Jika, pada pendapat Majlis makna atau natijah mana-mana suratcara atau akuan yang mewujudkan atau menyentuh mana-mana wakaf atau nazr adalah kabur atau tidak pasti, Majlis bolehlah merujukkan perkara itu kepada Jawatankuasa Fatwa bagi mendapatkan pendapatnya tentang makna dan natijah suratcara atau akuan itu, dan hendaklah bertindak menurut apa-apa pendapat yang diberikan sedemikian oleh Jawatankuasa Fatwa itu.

Terdapat Enakmen Wakaf Negeri yang menyatakan mengenai keperluan MAIN untuk merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri bagi mendapatkan hukum syarak yang perlu diputuskan seperti dalam Seksyen 25 Enakmen Wakaf Perak 2015 seperti berikut:

Majlis hendaklah merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa untuk keputusannya berhubung dengan pembangunan mana-mana *mawquf* sekiranya ia melibatkan persoalan Hukum Syarak yang perlu diputuskan.

Oleh itu, MAIN perlu merujuk kepada JFN bagi mendapatkan fatwa berkenaan pembangunan sesuatu harta wakaf sekiranya terdapat ketidak pastian, kecaburan dan sekiranya sesuatu hukum syarak belum distatutkan dalam mana-mana seksyen enakmen negeri. Dan ini menunjukkan bahawa ijтиhad jama'i berperanan dalam perihal pembangunan harta wakaf di Malaysia.

5.0 KUAT KUASA PENAWARAN SKIM WAKAF TUNAI BAGI NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA.

Institusi wakaf negeri telah menawarkan skim wakaf berbentuk tunai kepada orang ramai melalui dua kaedah iaitu melalui skim wakaf tunai dan saham wakaf. Saham wakaf kebiasaannya melibatkan pembelian unit saham daripada MAIN lalu diwakafkan unit saham tersebut kepada MAIN kembali. Skim wakaf tunai pula ialah sumbangan wang tunai dengan kadar minimum yang ditetapkan kepada MAIN selaku nazir yang menguruskan harta wakaf. Walaupun begitu, kedua-dua kaedah pelaksanaan wakaf tunai ini adalah merujuk kepada matlamat yang sama iaitu rancangan mengumpulkan wang tunai untuk tujuan wakaf.

Misalnya, Saham Wakaf Johor ialah satu skim yang menawarkan kepada masyarakat Islam pembelian saham dengan harga RM10 seunit daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ). Seterusnya mewakafkan saham tersebut kepada MAIJ dengan tujuan manfaatnya diberikan kepada umat Islam (E-Wakaf Johor, t.th).

Manakala Skim Wakaf Tunai seperti yang ditawarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) pula merupakan satu skim sumbangan wakaf dalam bentuk tunai dengan had minimum RM 5 untuk kepentingan, kebajikan dan kemaslahatan umat Islam secara menyeluruh (Majlis Agama Islam dan Adat Terengganu, 2018).

Institusi yang Mengurus Harta Wakaf	Nama Skim Wakaf Tunai	Kuat Kuasa Penubuhan Skim Wakaf Tunai
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	Skim Wakaf Tunai	Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu
Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK)	Skim Dana Wakaf Tunai MAIK	Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah
Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)	Waqaf Tunai MAIK	Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Perbadanan Wakaf Selangor (Sekarang)	Saham Wakaf Negeri Selangor (SWS)	Seksyen 17 (1) Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999
	Wakaf Tunai, Skim Infak, Sahabat Korporat, Wakaf Seni dan Wakaf Khas	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan (Sekarang)	Skim Wakaf Tunai	Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)	Saham Wakaf Pahang	Kaedah-Kaedah Saham Wakaf 1998
	Dana Wakaf Pahang (Sekarang)	Kaedah-Kaedah Dana Wakaf Pahang 2015
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)	Wakaf Tunai	Peraturan 18(2), Peraturan Kawalan Wakaf 1959 Enakmen Wakaf (Perak) 2015
Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ)	Saham Wakaf Johor	Kaedah-Kaedah Wakaf 1983
Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)	Saham Wakaf Tunai	Enakmen Wakaf Negeri Melaka 2005

Jadual 2: Kuat Kuasa Penubuhan Skim Wakaf Tunai di Malaysia

Berdasarkan Jadual 2, penawaran skim wakaf tunai di Malaysia secara majoritinya adalah merujuk kepada peruntukan statutori negeri masing-masing. Antara Majlis Agama Islam Negeri yang mewujudkan wakaf tunai dengan merujuk kepada enakmen negeri adalah di negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Johor dan Melaka.

Menurut Mahamood (2007), pelopor dalam melaksanakan kutipan wakaf tunai di Malaysia ialah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) yang dikendali oleh Lembaga Amanah Masjid Negeri Perak melalui peruntukan statut Peraturan 18(2), Peraturan Kawalan Wakaf 1959 seperti berikut:

Jawatankuasa Kawalan Wakaf Negeri boleh-lah menerima wang tunai daripada siapa-siapa yang berhajat hendak mewakafkan bagi faedah am dengan mengisi satu borang yang ditetapkan bagi-nya.

Kini, pelaksanaan dan pengurusan wakaf tunai di Perak telah diperkasakan dengan penubuhan Waqaf Perak ar-Ridzuan (WPAR) pada 7 April 2016. Tujuan utama penubuhan Waqaf Perak ar-Ridzuan (WPAR) ialah memperkasakan pembangunan ekonomi melalui dana wakaf tunai di negeri tersebut (Azizi et al., 2019). Penubuhan institusi ini telah diputuskan dalam Persidangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak Kali Ke-193 pada 18 Disember 2015. Tambahan pula, pelaksanaan wakaf tunai oleh WPAR telah diperkuuhkan lagi dengan kewujudan Enakmen Wakaf (Perak) 2015 yang berkuatkuasa mulai 12 Februari 2016 (Waqaf Perak ar-Ridzuan, t.t).

Selain daripada itu, Saham Wakaf Negeri Selangor (SWS) yang telah diperkenalkan oleh Majlis Agama Islam Selangor pada tahun 2002 adalah merujuk kepada Seksyen 17 (1) Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999 seperti berikut:

Majlis boleh menawarkan saham wakaf terhadap apa-apa harta yang diperolehinya atau yang akan diperolehnya kepada mana-mana orang untuk saham-saham itu dibeli dan kemudiannya diwakafkan kepada Majlis.

Kemudian, Perbadanan Wakaf Selangor telah ditubuhkan pada 11 Januari 2011 dan pengurusan SWS telah diletakkan di bawah anak syarikat MAIS tersebut (Abd Rani, 2013). Pelaksanaan wakaf tunai ini turut disokong oleh keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-5/2017 yang bersidang 17 Oktober 2017 bersamaan 26 Muharram 1439H yang mengharuskan kaedah berwakaf secara tunai. Seiring dengan perkara tersebut, Perbadanan Wakaf Selangor telah mempelbagaikan beberapa produk wakaf berbentuk tunai seperti i) Wakaf Tunai, ii) Skim Infaq iaitu kaedah berwakaf melalui potongan gaji secara bulanan, iii) Sahabat Korporat iaitu sumbangan wakaf oleh syarikat swasta, korporat dan anak-anak syarikat milik kerajaan (GLC), iv) Wakaf Seni iaitu alternatif kaedah berwakaf kepada penggiat seni serta v) Wakaf Khas iaitu kaedah untuk mengutip dana wakaf bagi pembangunan dan pembinaan masjid dan surau yang tidak termasuk di dalam Rancangan Malaysia (RMK) (Perbadanan Wakaf Selangor, t.th) .

Seterusnya, Skim Wakaf Tunai di Negeri Sembilan ditubuhkan melalui peruntukan Seksyen 11(1a) Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005 seperti berikut:

Majlis boleh menubuhkan apa-apa skim wakaf melalui sumbangan wang tunai atau apa-apa sumbangan kewangan yang lain daripada manamana orang, persatuan atau institusi yang diwakafkan kepada Majlis.

Saham Wakaf Pahang pula dilancarkan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang pada 20 Disember 1998 dengan berpandukan kepada Kaedah-Kaedah Saham Wakaf 1998 (Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, t.th). Setelah Kaedah-Kaedah Dana Wakaf Pahang 2015 diluluskan oleh Majlis, lalu Dana Wakaf Pahang mula diperkenalkan pada Jun 2015 (Dana Wakaf Pahang, t.th). Di Johor, Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) telah menubuhkan Saham Wakaf Johor pada 8 Ogos 1993 melalui peruntukan daripada Kaedah-Kaedah Wakaf 1983. Di Melaka pula, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah menawarkan Saham Wakaf Tunai dengan merujuk kepada Seksyen 17 (1) Enakmen Wakaf Negeri Melaka 2005.

Walaupun secara majoritinya MAIN menubuhkan skim wakaf tunai dengan merujuk kepada peruntukan statutori negeri, akan tetapi terdapat negeri yang menubuhkan skim wakaf tunai dengan mendapat kelulusan daripada JFN secara ijtihad jama'i. Antaranya ialah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

MAIN pertama yang melancarkan Skim Wakaf Tunai dengan merujuk kepada keputusan JFN ialah MAIDAM. Skim Wakaf Tunai MAIDAM telah dilancarkan pada 27 Disember 2007 dengan merujuk kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu yang membenarkan pelaksanaan Skim Wakaf Tunai di negeri tersebut pada 31 Januari 2007 (Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, 2018).

Seterusnya, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah pula telah membenarkan pelaksanaan wakaf tunai di negeri Kedah pada 31 Mac 2009. Rentetan daripada itu, Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) telah memperkenalkan Skim Dana Wakaf Tunai MAIK (Majlis Agama Islam Negeri Kedah, t.th). Selain daripada itu, pelaksanaan Waqaf Tunai Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) juga telah dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pada 9 Jun 2013. (Waqaf Tunai MAIK, t.th).

Oleh itu, ijтиhad jama'i yang dilaksanakan oleh JFN tentu mempunyai kuat kuasa dalam meluluskan penubuhan skim wakaf tunai di tiga negeri berkenaan. Ini membuktikan bahawa amalan ijтиhad jama'i oleh JFN mempunyai peranan yang signifikan dalam penawaran skim wakaf tunai bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai peruntukan statutori khas berkenaan penawaran skim wakaf tunai di negeri tersebut.

6.0 KESIMPULAN

Ijтиhad jama'i memainkan peranan yang sangat penting dalam menyelesaikan pelbagai masalah kontemporari dalam bidang muamalat. Perihal pembangunan harta wakaf tidak terkecuali dalam menjadi subjek perbincangan dalam ijтиhad jama'i bagi mengelakkan kejumudan harta wakaf dan memastikan kelangsungan manfaat harta wakaf kepada umat Islam. Di Malaysia, ijтиhad jama'i yang dilaksanakan oleh JFN bukanlah sekadar satu pendapat hukum, akan tetapi ia boleh menjadi kuat kuasa dalam meluluskan sesuatu pembangunan harta wakaf termasuk penawaran skim wakaf tunai oleh MAIN. Majoriti kuat kuasa penawaran skim wakaf tunai oleh MAIN adalah merujuk kepada peruntukan statutori negeri masing-masing. Akan tetapi bagi negeri yang tidak mempunyai peruntukan undang-undang khas yang memberarkan MAIN untuk menawarkan skim wakaf tunai seperti Terengganu, Kedah dan Kelantan, negeri-negeri tersebut telah merujuk kepada keputusan JFN yang mengharuskan dan meluluskan penawaran skim wakaf tunai di negeri berkenaan. Ini menunjukkan bahawa amalan ijтиhad jama'i oleh JFN mempunyai peranan yang signifikan dalam penawaran skim wakaf tunai di Malaysia.

RUJUKAN

- Abd Rani, M. A. H. (2013). Kajian Pelaksanaan Saham Wakaf di Majlis Agama Islam Selangor Menurut Perspektif Pengurusan Islam. Tesis kedoktoran, University of Malaya.
- al-Āmidī, S. A. D. (1981). *Al-Iḥkām fī Uṣūl al-Iḥkām*. Beirut: Al-Maktab al-Islamī.
- Asni, M. F. A. H. M. (2015). Wakaf Tunai dan Aplikasinya dalam Undang-Undang di Negara Asia. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Cash Waqf 2015, anjuran Yayasan KUIS, Shah Alam, 28-30 Mei.
- Asni, M. F. A. H. M., & Sulong, J. (2017). Penyelarasan Fatwa antara Negeri-Negeri: Analisis Amalan dan Kaedah Penyeragamannya di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 9(1), 86-109.
- al-'Aṭṭar, 'Abd al-Naṣir Tawfiq. (1996). *Al-Ta'rif bi al-Ijtihād al-Jamā'i*. Kertas kerja dibentang di Nadwah al-Ijtihād al-Jamā'i fi al-'Alam al-Islamiyy anjuran Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti United Arab Emirates, 21-23 Disember. 29-39.

- Azizi et al. (2019). Determinants of Repeated Endowers' donation Intention in Cash Waqf: A Case Study in Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk). *Jurnal Manajemen Bisnis*, 10(2), 154-163.
- Black, A., & Hosen, N. (2009). Fatwas: Their Role in Contemporary Secular Australia. *Griffith law review*, 18(2), 405-427.
- Borang Sumbangan Wakaf MAIK, t.th.
- Buang, A. H. (2002). Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 10(1), 39-52.
- Cizakca, M. (1998). Awqaf In History and Its Implications For Modern Islamic Economies. *Islamic Economic Studies*, 6(1). 43-70.
- Cizakca, M. (2000). A History of Philanthropic Foundations: The Islamic World from The Seventh Century to The Present. Istanbul: Boğaziçi University Press.
- al-Dusūqī, S. A. D. M. (t.t). Hasyiah Ad- Dusūqī 'Ala Al-Syarh Al-Kabīr. Damsyiq: Dar Al-Fikr. Vol. 4.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis. 2006.
- Enakmen Wakaf Negeri Melaka. 2005.
- Enakmen Wakaf Negeri Sembilan. 2005
- Enakmen Wakaf Perak. 2015.
- Hallaq, W. B. (1984). Was the Gate of Ijtihad Closed?. *International Journal of Middle East Studies*, 16(1), 3-41.
- Hasan, A. (2003). An Introduction To Collective Ijtihad (Ijtihad Jama'i): Concept And Applications. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 20(2), 26-49.
- al-Hasan, Khalīfah Babkar. (1996). al-Ijtihād al-Jamā'i fi al-Sūdān. Kertas kerja dibentang di Nadwah al-Ijtihād al-Jamā'i fi al-'Alam al-Islamiy anjuran Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti United Arab Emirates, 21-23 Disember. 601-616.
- Hussain, L. (2013). *Ijtihad Jama'i dalam Penetapan Hukum Syarak: Aplikasi Di Malaysia*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ibn Qudāmah, A. B. A. (t.t). Al-Mughnī. Kaherah: Maktabah Al-Qāherah. Vol. 6.
- Kader, S. Z. S. A. (2016). Kerangka Undang Undang Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Ke Arah Keseragaman Undang Undang. *Jurnal Undang Undang Malaysia*, 28(1), 101-126.
- Kahf, M. (1999). Financing the Development of Awqaf Property. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 16(4), 39-68.
- Kasan, H. (2016). Institusi Fatwa Dalam Perundangan Negara: Satu. Penilaian Menurut Siasah Syar'iyyah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 1(1), 37-64.
- Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. 2017.
- Khan, D. M. T. (2013). Contribution of Islamic Waqf In Poverty Reduction.

- Mahamood, S. M. (2007.) Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-Undang serta Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 15(2), 61-83.
- Mahamood, S. M., & Ab Rahman, A. (2015). Financing Universities Through Waqf, Pious Endowment: Is It Possible?. *Humanomics*.
- al-Majma'i, Said Muhyiddin Said. (t.t). al-Ijtihād al-Jama'i Wa Ahammiyatuhu fi al-Fiqh al-Islamī. t.p: t.tp.
- Maksudin (2009). Ijtihad Jama'i sebagai Solusi Permasalahan Sosial. *Jurnal al-Syir'ah*, 43(2). 369.
- Mandaville, J. E. (1979). Usurious Piety: The Cash Waqf Controversy in The Ottoman Empire. *International Journal of Middle East Studies*, 10(3), 289-308.
- al-Marghinani, B. (t.t). Al-Hidāyah Fi Syarh Al-Bidāyatul Mubtadī. Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabiyy. Vol. 3.
- al-Mazkūr, Khālid Mazkūr Abdullah. (1996). al-Ijtihād al-Jamā'i fi Dawlat al-Kuwait. Kertas kerja dibentang di Nadwah al-Ijtihād al-Jamā'i fi al-'Alam al-Islamiy anjuran Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti United Arab Emirates, 21-23 Disember. 431-490.
- Md Omar, M. (2013). Isu Pentadbiran Tanah Wakaf Dalam Konteks KTN 1965 Dan Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Sembilan. *Jurnal Pentadbiran Tanah*, 35.
- Mīghā. 'Abdullah Idrīs (1996). Majma' al-Fiqh al-Islāmiy al-Duwālī Namūzaj lil Ijtihād al-Jamā'i. Kertas kerja dibentang di Nadwah al-Ijtihād al-Jamā'i fi al-'Alam al-Islamiy anjuran Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti United Arab Emirates, 21-23 Disember. 271 -296.
- Mohsin, M. I. A. (2013). Financing through cash-waqf: a revitalization to finance different needs. *International journal of Islamic and Middle Eastern finance and management*.
- al-Qardhāwī, Y. (1996) al-Ijtihād fi al-Shārī'ah al-Islāmiyyah Ma'a Nazārāt Tahliliyah fi al-Ijtihād al-Mu'āşir. Kuwait, Dār al-Qalam.
- al-Raisūni. Ahmad (t.t). al-Ijtihād al-Jamā'i. t.p: t.tp.
- Saifuddin et al. (2014). The Role of Cash Waqf In Poverty Alleviation: Case of Malaysia.
- al-Syarbīnī, al-Khatib. (1994). Mughnī al-Muhtāj. Beirut: Dār al-Kutub al-'ilmiyah. Vol. 3.
- al-Syawkāni, Muhammad bin 'Ali. (1993.). Nayl al-Awtar. Qaherah: Dar al-Hadith. Vol. 6.
- Taib et al. (2017a). Perkembangan Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia. *International Journal of West Asian Studies*, 9(1).
- Taib et al. (2017b). Wakaf Pendidikan Di Malaysia: Suatu Pengenalan (Waqf of Education in Malaysia: An Introduction). Dalam *Proceedings of the International* (pp. 389-395).

- Talib, A. R. & Ahmad, H. (2019). Penilaian Kelayakan Asnaf Fakir dan Miskin Berdasarkan Had Kifayah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1, 23-41.
- Timur Kuran, "Why the Middle East is Economically Underdeveloped: Historical Mechanisms of Institutional Stagnation," *Journal of Economic Perspectives* 18, 3 (2004), 71-72.
- White, J. M. (2015). Fetva Diplomacy: The Ottoman Şeyhülislam as Trans-Imperial Intermediary. *Journal of early modern history*, 19(2-3), 199-221.
- Zaki et al. 2007. Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya Ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan Jawhar*.

INTERNET

- Dewan Bahasa dan Pustaka. t.t. Maklumat Kata. <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=skim>. Diakses pada 8 Mei 2020.
- Dana Wakaf Pahang. t.th. Pengenalan Dana Wakaf Pahang. <https://ewakaf.muip.gov.my/portal/index.php/pengenalan-wakaf/saham-wakaf-pahang/pengenalan-saham-wakaf-pahang>. Diakses pada 12 April 2020.
- Ewakaf Johor. t.th. Pengenalan Saham Wakaf. https://www.e-wakafjohor.gov.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=75&Itemid=497. Diakses pada 28 Mei 2020.
- Majlis Agama Islam dan Adat Terengganu. t.th. Konsep Wakaf Tunai. <http://www.maidam.gov.my/index.php/ms/component/k2/item/527-konsep-wakaf-tunai%2029/5/2020>. Diakses pada 29 Mei 2020.
- Majlis Agama Islam dan Adat Terengganu. t.th. Prosedur Penyertaan Melalui Potongan Gaji. <http://www.maidam.gov.my/index.php/ms/potongan-gaji>. Diakses pada 10 Mei 2020.
- Majlis Agama Islam dan Adat Terengganu. 6 Februari 2018. Hukum Syarak Wakaf Tunai. <http://www.maidam.gov.my/index.php/ms/hubungi-kami/item/705-hukum-syarak>. Diakses pada 3 Mei 2019.
- Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman. t.th. Wakaf Tunai. <http://www.maik.gov.my/ms/Page?type=zByNQuF9FYw=&pid=NsyHsybpe1w=>. Diakses pada 4 Jun 2020.
- Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. t.th. Saham Wakaf Pahang. <http://www.muip.gov.my/v3/index.php/objektif/pengenalan-saham-wakaf>. Diakses pada 12 April 2020.
- Perbadanan Wakaf Selangor. t.t. Skim Infaq (Potongan Gaji). http://www.wakafselangor.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=193&Itemid=551&lang=en. Diakses pada 13 April 2020.

- Perbadanan Wakaf Selangor. t.th. Wakaf Tunai.
<http://www.wakafselangor.gov.my/index.php/wakaf/produk-wakaf/wakaf-tunai>. Diakses pada 29 Mei 2020.
- Waqaf Perak ar-Ridzuan. t.th. Pengenalan WPAR.
<http://wakafperak.gov.my/portal/index.php/ms/info-wpar/pengenalan-wpar#>. Diakses pada 10 April 2020.
- Waqaf Tunai MAIK. t.th. Sejarah Wakaf Tunai di MAIK. <http://waqaftunai.e-maik.my/index.php/pengenalan.html>. Diakses pada 4 Jun 2020.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.